

GARIS PANDUAN DANA PROMOSI PRODUK UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGENALAN

1. Dana ini diberikan kepada penyelidik (staf akademik dan bukan akademik) UPM untuk membangunkan atau menambahbaik prototaip dan memajukan hasil penyelidikan ke arah pra-pengkomersilan, supaya ia dapat bergerak dengan lebih dinamik, bagi menarik pihak industri, rakan kongsi atau pelabur.
2. Ia berfungsi untuk memberi bantuan kepada projek berasaskan teknologi untuk membuka peluang penubuhan syarikat *start up* universiti.
3. Dana ini akan membantu penyelidik mengenalpasti kehendak pasaran dan mengurangkan risiko pelabur dalam membiayai projek/teknologi berisiko tinggi ke arah pengkomersilan. Ia akan digunakan bagi melonjakkan sesuatu teknologi atau perkhidmatan yang tertentu ke arah pengkomersilan.
4. Dana ini tidak boleh dianggap sebagai pelaburan atau ekuiti kepada penyelidik, yang membenarkan *exit opportunity*, dan ia tidak boleh digunakan untuk membayar *bridging finance* yang telah diterima dari sumber lain.
5. Dana ini hanya akan diberikan setelah penyelidik dapat membuktikan *Proof of Concept* telah dicapai oleh suatu projek seperti berikut:
 - a. telah mempunyai prototaip;
 - b. projek di peringkat akhir penyelidikan, mempunyai prospek perniagaan yang baik (*bankable business prospect*) tetapi tiada prototaip;
 - c. memerlukan pembangunan prototaip atau demonstrasi komersil;
 - d. mempunyai hasil penyelidikan strategik dalam memajukan teknologi yang dibangunkan di UPM ;
 - e. mempunyai potensi pasaran yang menggalakkan;
 - f. mendapat perhatian pihak industri dalam proses untuk mengadakan kerjasama dalam hasil penyelidikan tersebut.

KRITERIA DAN SYARAT

6. Kriteria dan syarat adalah seperti berikut
 - a. Projek yang telah mendapat perlindungan harta intelek;
 - b. Projek mempunyai *Proof of Concept* untuk menunjukkan bahawa penyelidikan teknologi yang dibangunkan adalah terbukti, "*novelty*" projek tersebut berbanding dengan projek yang serupa dalam bidang berkenaan;
 - c. Produk atau teknologi yang ditawarkan mempunyai potensi kompetitif yang jelas;
 - d. Mempunyai anggota kumpulan penyelidik yang memainkan peranan aktif dalam projek;
 - e. Projek yang mempunyai potensi untuk dikomersilkan;

Keutamaan diberikan kepada pemohon yang telah mempunyai rakan kongsi industri yang diperakukan oleh Panel Penilai.

JANGKAMASA PROJEK

7. Jangkamasa tempoh pembiayaan projek adalah **tidak melebihi 6 bulan** dan jumlah pembiayaan adalah **tidak melebihi RM 20,000.00**.
8. Pembiayaan yang dipohon mestilah bersesuaian dengan aktiviti yang dirancang dan disertakan dengan justifikasi yang munasabah. Panel Penilai berhak menentukan jumlah sebenar yang akan diluluskan. Walau bagaimanapun tempoh dan nilai dana ini boleh dipinda mengikut merit dan dipersetujui oleh Panel Penilai.

SKOP PEMBIAYAAN

9. Perkara yang boleh dibiayai oleh dana ini termasuk :
 - a. menaiktaraf prototaip bagi kehendak pasaran;
 - b. membangun bahan/produk untuk pasaran bersama rakan kongsi;
 - c. aktiviti yang boleh menggalakkan kerjasama yang lebih erat dengan pelanggan dari segi pembiayaan dan pembangunan.
10. Pembiayaan yang **tidak dibenarkan** adalah:
 - a. pembiayaan pameran, persidangan atau penerbitan;
 - b. perjalanan ke luar negara;
 - c. pembelian atau penyewaan aset dan alat elektronik yang tidak berkaitan dengan projek;
 - d. pembayaran bil utiliti;
 - e. pembelian atau penyewaan bahan rujukan.

11. Sebarang perubahan pembiayaan adalah tertakluk kepada kelulusan Panel Penilai berdasarkan. Penyelidik juga perlu merujuk kepada garis panduan Pengurusan Kewangan Aktiviti Penyelidikan yang dikeluarkan oleh Bendahari UPM untuk segala urusan kewangan yang berkaitan dengan peruntukan yang diluluskan.

TATACARA PERMOHONAN GERAN

12. Permohonan dibuka sepanjang tahun tertakluk kepada kedudukan kewangan dan peruntukan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, permohonan hendaklah dikemukakan **selewat-lewatnya 30 Oktober setiap tahun**.
13. Pemohon perlu mengisi Borang Permohonan Dana Promosi Produk Universiti Putra Malaysia dan perlu dihantar kepada Timbalan Pengarah Bahagian Promosi dan Pemasaran Inovasi (BPPI), Putra Science Park, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UPM.
14. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan penerangan ringkas dan jelas tentang teknologi, *novelty*, status harta intelek status pembangunan semasa projek dan *milestone* projek.
15. Pemohon juga boleh mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat mengenai prospek perniagaan dengan Pegawai Eksekutif Pengkomersilan PSP mengenai:
 - a. peluang dan potensi pengkomersilan dan pembangunan yang ingin dicapai (*gap analysis*);
 - b. ringkasan analisis pasaran, termasuk persaingan dan strategi pemasaran;
 - c. perbelanjaan projek yang ingin dipohon; dan
 - d. ringkasan *financial projection*, termasuk perbelanjaan utama dan pendapatan untuk jangka masa 5 tahun.

PENILAIAN PERMOHONAN

16. Proses penilaian akan dijalankan sepanjang tahun.
17. Bagi permohonan yang memerlukan pembentangan kepada panel, pemohon perlu menyediakan penerangan maklumat seperti mana berikut ;
 - a. *laboratory Prove of Concept* (PoC);
 - b. penerangan prototaip / produk dan perlindungan harta intelek;
 - c. maklumat teknikal, data yang berkaitan dengan projek dan yang berkaitan;
 - d. potensi pasaran;
 - e. bajet projek; dan
 - f. penanda aras (*milestone*) dan pencapaian (*deliverable*).

TADBIR URUS PROJEK PENYELIDIKAN

18. Semua projek akan bermula setelah mendapat **Surat Pengakuan Penerimaan Dana** dan akan dibantu oleh pihak PSP yang akan bertindak sebagai *Project Management Team* (PMT).
19. Ketua projek diwajibkan untuk menandatangani surat Pengakuan Penerimaan tersebut dan mengembalikan semula kepada BPPI-PSP.
20. Peranan Putra Science Park (PSP) sebagai PMT:
 - a. menyelia dan menilai projek dari segi teknikal dan kewangan;
 - b. memberikan bimbingan dan bantuan dalam menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan projek yang dicadangkan;
 - c. memastikan projek yang dijalankan selaras dengan terma dan syarat pencapaian seperti yang digariskan di dalam Surat Pengakuan Penerimaan Dana;
 - d. menilai prestasi kemajuan projek yang dijalankan serta untuk membuat bayaran bagi perbelanjaan yang ditanggung dalam melaksanakan projek;
 - e. mengesyorkan sebarang perubahan dalam projek seperti anggota kumpulan projek, skop dan metodologi projek, pencapaian atau perkara lain yang berkaitan dengan projek apabila perlu; dan
 - f. mencadangkan penambahbaikan terhadap prosedur dan garis panduan yang sedia ada berdasarkan kepada penemuan daripada penilaian yang dilakukan.

IMPLEMENTASI & PEMANTAUAN PROJEK

21. Prestasi projek akan dipantau oleh PSP melalui **Borang Laporan Kemajuan** dan *milestone* yang telah dipersetujui dan sebarang ubah-suaian pada *milestone* dari segi masa, matlamat yang ingin dicapai dan bajet projek perlu dimaklumkan kepada BPPI-PSP;
22. **Laporan Output** projek perlu dikemukakan kepada Urusetia selewat-lewatnya satu (1) bulan selepas tarikh tamat projek mengikut format yang disediakan; dan Ketua projek akan diminta untuk membentangkan laporan kepada Panel Penilai.
23. Di dalam kes tertentu, Panel Penilai boleh menerima permohonan atau mencadangkan tambahan dana berdasarkan merit atau memberhentikan projek berkenaan.